

# Dr Mahathir larang tubuh cawangan Umno di Sarawak

BH 7 JAN 2006

**KUALA LUMPUR, Ahad** - Rakyat Sarawak yang menetap di Semenanjung boleh menyertai Umno secara individu tetapi mereka dilarang menubuhkan sebarang cawangan Umno di negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, mereka bebas menganggotai Umno di luar Sarawak kerana Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) - parti tulang belakang Barisan Nasional (BN) negeri itu tidak mempunyai cawangan di Semenanjung.

"Kalau dia (rakyat Sarawak) duduk di sini, tidak ada kena mengena di sana (Sarawak)... tak jadi penguandi di sana, tak apalah (masuk Umno)," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri bekas Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abang

Ahmad Urai Abang Mohideen di Restoran Seri Melayu Jalan Conlay, di sini hari ini.

Abang Ahmad Urai, 68, yang berasal dari Sarawak adalah Ketua Umno Cawangan Jalan Yap Kwan Seng di ibu negara, yang dimenangnya tanpa bertanding pada Februari tahun 2000 iaitu selepas menetap di sini.

Beliau bersara daripada jawatan Yang Dipertua Dewan Negara pada 1990 dan pernah menjadi Menteri Muda di Sarawak dan Timbalan Setiausaha Agung PBB.

Majlis itu dihadiri kira-kira 2,000 orang kebanyakannya yang berasal dari Sarawak termasuk bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Dr Sulaiman Daud dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari.

Hadir sama isteri Perda-

na Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek dan Ahli Parlimen Cua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah. Dr Mahathir berkata, rakyat Sarawak menyertai Umno di sini kerana PBB tidak mempunyai cawangan di Semenanjung.

Bagaimanapun katanya, jumlah rakyat negeri itu yang menganggotai Umno di Semenanjung tidak ramai.

Perdana Menteri berkata, mereka dibenarkan menyertai Umno kerana Umno sendiri tidak bercaj mengembangkan sayapnya ke Sarawak meskipun pernah dijadikan isu semasa kempen pilihan raya negeri itu baru-baru ini.

Abang Ahmad Urai ketika ditemui kemudian, bagaimanapun, berkata

beliau tidak tahu berapa ramai rakyat Sarawak yang mengikut jejaknya menyertai Umno.

Dalam pilihan raya negeri itu September lalu, kumpulan batuk Abang Abu Bakar Mustaqha, yang juga bekas Timbalan Presiden PBB menjadikan isu kemasukan Umno ke Sarawak dalam kempen mereka.

Kumpulan terbabit, dipercayai meletakkan 40 calon, bagaimanapun gagal mendapat sebarang kerusi. Sebelum pilihan raya itu, Abang Abu Bakar dilaporkan sebagai berkata bahawa jika kumpulan calonnya yang bertanding atas tiket bebas menang; mereka akan menerima kedatangan Umno dengan tangan terbuka jika parti itu mahu mengembangkan sayapnya ke negeri itu.